



## KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

### HARI KESIHATAN SEDUNIA 2015

7 APRIL 2015, AEON BANDARAYA MELAKA

Hari Kesihatan Sedunia 2015 Peringkat Kebangsaan telah dilancarkan pada hari ini, 7 April 2015. Hari Kesihatan Sedunia yang disambut secara global pada 7 April setiap tahun merupakan satu hari yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi mengenengahkan isu-isu kesihatan yang perlu diberi perhatian serius. Dengan tema "*Food Safety - from farm to plate*" sambutan pada tahun ini menumpukan kepada kepentingan tanggungjawab bersama ke atas keselamatan makanan bagi memastikan bekalan makanan yang selamat kepada kira-kira 7 bilion pengguna di seluruh dunia.

Matlamat untuk mendapatkan makanan selamat dan berkualiti telah menjadi satu keutamaan kepada rakyat pada masa kini. Di samping itu, pelbagai insiden berkaitan keselamatan makanan telah menyebabkan rakyat lebih menuntut supaya pihak kerajaan lebih serius dalam memastikan makanan yang dijual di pasaran tempatan termasuk yang diimport adalah selamat.

Kawalan keselamatan dan kualiti makanan masa kini telah menjadi begitu mencabar disebabkan *complexity* penghasilan makanan. Pelbagai punca pencemaran perlu dikawal di sepanjang rantai bekalan makanan bermula dari bahan mentah sehingga ke peringkat penghidangan. Pihak kerajaan, industri dan pengguna memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan makanan kerana ia adalah tanggungjawab bersama.

Kementerian Kesihatan melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap keselamatan makanan di Malaysia amat komited untuk

memastikan keselamatan makanan di sepanjang rantai makanan adalah terkawal dari sebarang punca pencemaran makanan. Sehubungan itu, pelbagai pengiktirafan bagi Program Jaminan Keselamatan Makanan seperti Skim Pensijilan *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP), Skim Pensijilan *Good Manufacturing Practices* (GMP) dan Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) disediakan bagi premis pengilangan makanan.

Manakala bagi memastikan keselamatan makanan yang dijual di premis outlet makanan iaitu gerai makan, restoran, kafetaria, kedai makan dan medan selera, pada hari ini Kementerian Kesihatan telah melancarkan Program Bersih, Selamat dan Sihat (BeSS) Peringkat Kebangsaan. BeSS ialah satu bentuk pengiktirafan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan kepada premis outlet makanan berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Premis outlet makanan yang telah mendapat pengiktirafan akan diberikan logo BeSS untuk dipamerkan bagi menunjukkan bahawa premis outlet makanan tersebut telah diiktiraf sebagai bersih, selamat dan sihat oleh Kementerian Kesihatan. Ini secara tidak langsung dapat memberi pilihan dan kesedaran kepada pengguna tentang keperluan memilih kedai makan yang bersih, selamat dan sihat.

Kerajaan tidak boleh mencapai kejayaan sepenuhnya tanpa kerjasama daripada semua pihak berkepentingan di sepanjang rantai bekalan makanan. Semua pihak berkepentingan yang berkenaan perlu menyumbang kepada proses ini dan juga mengambil inisiatif sendiri untuk memastikan keselamatan makanan yang dihasilkan.

Oleh itu, di harap sambutan Hari Kesihatan Sedunia pada hari ini dapat menjadi platform kepada semua pihak yang berkepentingan di sepanjang rantai bekalan makanan untuk bertemu, berkongsi pengetahuan, memperolehi maklumat dan seterusnya mengaplikasikannya bagi memastikan keselamatan makanan demi kesihatan rakyat.

**YB Datuk Seri Dr. S Subramaniam**  
**Menteri Kesihatan Malaysia**  
**7 April 2015**